

30 APR 1999

Mahathir-Abad

ABAD KE-21 AKAN MENJADI KURUN DUNIA, KATA MAHATHIR

Oleh: Yong Soo Heong

KUALA LUMPUR, 30 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata abad akan datang akan menjadi Kurun Dunia dan dunia akan lebih mengecil kerana wujudnya kemudahan dalam perjalanan dan komunikasi.

"Sama ada kita suka atau tidak kita sering berdampingan antara satu sama lain, kita yang dari setiap benua, warna dan etnik," beliau menulis dalam buku yang akan diterbitkan tidak lama lagi "A New Deal For Asia" (Pelanduk Publications). Buku itu akan dipasarkan pada awal Mei.

"Manusia akan bergerak. Halangan geografi atau halanganbuatan manusia tidak akan menyekat manusia daripada bergerak dari sebuah negara ke sebuah negara lain. Mereka akan bergerak pada mulanya secara kecil-kecilan dan pergerakan itu akan menjadi besar dengan kemaraan kurun ini," kata Perdana Menteri.

Buku itu sekali lagi memaparkan wawasan kepada pemikiran jauh Dr Mahathir mengenai bagaimana dunia akan dibentuk dan bagaimana halangan etnik dan negara akan terhapus.

Dr Mahathir sekali lagi menekankan bahawa pandangan beberapa warga Asia sebelum ini yang dipenuhi keyakinan sebelum krisis kewangan Asia, bahawa abad ke-21 akan menjadi Kurun Asia ada cacatnya.

"Kurun ke-21 tidak akan menjadi milik mana-mana benua," katanya.

Dr Mahathir berani berkata negara satu kaum akan lenyap dengan pantas dan setiap negara akhirnya akan menjadi negara pelbagai kaum dan oleh itu mempunyai pelbagai budaya.

Dan beliau juga merasakan bahawa kumpulan etnik yang berbeza di setiap negara akan berperang antara satu sama lain pada awalnya "tetapi mereka akhirnya akan berdamai untuk hidup bersama."

Dr Mahathir berkata: "Mereka akan saling mengahwini atau hidup bersama. Anak-anak mereka akan mempunyai ibu bapa yang berlainan keturunan, bukannya hitam, atau putih, atau coklat atau kuning. Warna mereka akan tidak menentu.

"Kebudayaan mereka juga akan bercampur. Bagi kebanyakan mereka tidak akan ada agama. Akan berlaku pergelutan antara mereka yang mahu mengekalkan kepercayaan agama mereka dan mereka yang menolak sebarang bentuk kerohanian.

"Satu perkara bagaimanapun sudah pasti. Tiada apapun yang akan begitu jelas. Apapun boleh berlaku. Cubaan untuk menjadi istimewa dan tertentu akan gagal."

Perdana Menteri juga berkata cubaan untuk mengawal China atau Asia akan gagal lebih cepat dan bukannya kemudian.

Sambil berkata bahawa perkembangan dan kemajuan manusia di Asia mungkin lembab sedikit berikutan krisis ekonomi, tetapi ia tidak akan terbantut selamanya.

Dr Mahathir berkata cubaan-cubaan untuk menguasai dunia akan gagal sebagaimana sebarang cubaan lain oleh mana-mana peradaban atau benua atau kumpulan etnik.

"Rakyat Asia sudah tentunya tidak akan menguasai dunia. Tetapi penduduk Asia atau rakyat majmuk yang tinggal di Asia akan mengambil tempat dan bahagian hak mereka dalam Kurun Dunia," katanya.

-- BERNAMA

SHY MR RON